

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Tiga lagi kematian direkodkan

147 kes baharu, jumlah keseluruhan kini 10,505

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kes COVID-19 mencatat tiga lagi kematian semalam, menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian akibat virus itu di negara ini meningkat kepada 133 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes kematian ke-131 (kes ke-10,495) membabitkan seorang wanita warga Indonesia berusia 48 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kencing manis.

"Kes mula mengalami gejala lemah badan, muntah, batuk dan dibawa ke Jabatan Kecemasan Hospital Tawau, Sabah pada 18 Sep-

tember dalam keadaan separa sedar. Keadaan kes didapati merosot dan dipindahkan ke unit rawatan rapi (ICU) pada 19 September.

"Beliau disahkan meninggal dunia pada hari yang sama pada jam 10.20 malam. Saringan yang dijalankan ke atasnya didapati positif pada 22 September lalu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes kematian ke-132 (kes ke-10,493) pula membabitkan lelaki warga tempatan berusia 54 tahun, yang mendapatkan rawatan di Jabatan Kecemasan, Hospital Semporna, Sabah pada 18 September lalu, bagi gejala demam, batuk dan sukar bernafas.

"Saringan COVID-19 dijalankan dan keadaan kes didapati semakin merosot serta dirujuk ke Hospital Tawau pada 20 September dan dimasukkan ke ICU.

Kes disahkan meninggal dunia pada 22 September jam 6.55 petang. Saringan COVID-19 didapati positif terhadapnya pada 22 September," katanya.

Beliau berkata, kes kematian



Dr Noor Hisham Abdullah

ke-133 (kes ke-9224) membabitkan lelaki warga tempatan berusia 72 tahun dengan latar belakang penyakit strok yang dikesan sebagai kontak rapat kepada kes ke-9,124 (sudah meninggal dunia) dan kes positif dalam Kluster Tawau.

"Kes tidak bergejala, dikesan positif COVID-19 pada 19 Ogos lalu dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar. Keadaan kes didapati merosot dan dipindahkan ke ICU. Kes disahkan meninggal dunia pada 23 September, jam 3.40 pagi," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham

berkata, sebanyak 147 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam, menjadikan jumlah keseluruhan kes positif di negara ini adalah sebanyak 10,505 kes.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, 143 kes penularan dalam negara, membabitkan 115 warga tempatan dan 28 warga asing.

Katanya, empat kes lagi adalah kes import yang mendapat jangkitan luar negara, membabitkan tiga warga tempatan dan satu warga asing.

Dr Noor Hisham memaklumkan, daripada keseluruhan kes penularan tempatan, 134 kes adalah di Sabah, membabitkan 105 kes daripada Kluster Benteng LD, terdiri daripada 90 warga tempatan dan 15 warga asing.

"Lapan kes adalah Kluster Laut membabitkan warganegara, lapan kes Kluster Bangau-Bangau (enam warganegara, dua warga asing), lima kes lagi Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI), membabitkan empat warganegara dan satu warga asing serta dua kes saringan petugas kesihatan di

Hospital Semporna membabitkan warganegara.

"Selain itu, dua kes Kluster Pulau membabitkan warganegara, dua kes daripada Kluster Udin membabitkan warga asing dan satu kes saringan tahanan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Semporna, membabitkan warganegara," katanya.

Beliau memaklumkan, lima lagi kes baharu dicatatkan di Kedah iaitu empat kes daripada Kluster Sungai dan satu kes saringan komuniti yang semuanya membabitkan warganegara.

Selain itu, dua kes dicatatkan di Selangor iaitu satu kes saringan masuk kerja membabitkan warganegara dan kes saringan kontak rapat kepada kes ke-10,286 yang kedua-duanya mempunyai sejarah balik dari Semporna.

"Satu kes pula di Kuala Lumpur iaitu kes saringan pulang dari kawasan berisiko iaitu Sabah yang membabitkan warganegara dan satu kes di Kelantan iaitu kes saringan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) dari Sabah yang membabitkan warganegara," katanya.

Kluster Udin pula di Tawau

Kuala Lumpur: Satu lagi kluster baharu dikesan di Tawau, Sabah iaitu Kluster Udin yang kini sudah menjangkiti tiga individu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes indeks kluster itu membabitkan seorang wanita warga tempatan (kes ke-9,894) berusia 72 tahun yang dikesan positif COVID-19 hasil saringan dijalankan di

Klinik Kesihatan Merotai, Tawau pada 12 September lalu.

"Susulan itu, saringan kontak rapat dijalankan dan dua lagi dikesan positif COVID-19 pada 22 September lalu.

"Kedua-dua kes positif ini membabitkan warga Filipina. Mereka tidak bergejala dan dimasukkan ke Hospital Tawau untuk rawatan," katanya dalam ke-

nyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, hingga jam 12 tengah hari semalam, 128 individu sudah disaring yang mana tiga positif, 71 negatif dan 54 sedang menunggu keputusan.

"Langkah pencegahan jangkitan termasuk proses nyah kuman dan pembersihan dijalankan di lokasi terbahit. Punca jangkitan masih dalam siasatan," katanya.

Sampel ujian ke Semenanjung jika kapasiti cecah 2,500

Kuala Lumpur: Baki sampel ujian COVID-19 yang diperolehi hasil saringan individu yang dijalankan di Sabah akan dihantar ke Semenanjung, jika kapasiti ujian di negeri itu mencecah 2,500 ujian sehari.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan, sampel berkenaan akan dihantar menggunakan perkhidmatan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan perkhidmatan kurier swasta ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) bagi menampung pengujian sampel tambahan.

"Berikutan pertambahan bilangan kes di Sabah, Kementerian Kesihatan menambah kapasiti makmal yang boleh menjalankan ujian *Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction* (rRT-PCR) sebagai langkah kesiapsiagaan.

"Secara keseluruhan, jumlah kapasiti ujian harian makmal sampel COVID-19 di seluruh Sabah ditingkatkan kepada 2500 ujian sehari," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, bagi fasiliti di Hospital di Queen Elizabeth, kapasiti maksima makmal ditingkatkan kepada 400 uji-

an berbanding 100 ujian pada Mac lalu, 2,000 daripada 200 ujian bagi Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu dan 100 ujian di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Selain itu, katanya, terdapat sebanyak 23 makmal hospital dan 26 makmal klinik kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan yang menjalankan ujian RAPID Test Kit Antigen RTK-Ag di Sabah, ketika ini.

"Bagi jangka masa panjang, Kementerian Kesihatan sedang berusaha membangunkan sebuah makmal molekular di Hospital Tawau," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : NASIONAL

PM lancar buku The COVID-19 Chronicles of Malaysia edisi kedua

Putrajaya: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam, melancarkan buku *The COVID-19 Chronicles of Malaysia (Edisi Kedua)* di Pejabat Perdana Menteri, di sini.

Buku yang mengandungi kronologi dan strategi untuk menangani pandemik COVID-19 di Malaysia itu adalah susulan kepada *The COVID-19 Chronicles of Malaysia* yang diterbitkan pada Jun lalu.

Kementerian Kesihatan berkata, buku terbitan Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan (IPSK) dengan kerjasama Institut Penyelidikan Klinikal (ICR) yang berada di bawah Institut Kesihatan Ne-

gara (NIH), itu merangkumi garis masa dari 31 Disember 2019 sehingga 30 Jun 2020.

"Ia adalah hasil kompilasi maklumat yang diperolehi daripada dokumen kerajaan, data terbuka serta keratan akhbar berkaitan pandemik COVID-19 di Malaysia," katanya dalam kenyataan sempena pelancaran itu.

Buku dalam bentuk salinan elektronik itu boleh didapati di laman <http://maera.nih.gov.my>

Yang turut hadir Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

BERNAMA



Muhyiddin bersama Dr Adham, Dr Noor Hisham dan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), Dr Hishamshah Mohd Ibrahim (kanan) pada pelancaran buku *The COVID-19 Chronicles of Malaysia (Edisi Kedua)* di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL



Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan satu lagi kluster baharu dikenal pasti di Tawau, Sabah iaitu

Kluster Udin masuk senarai

Kes indeks kluster dikesan babit wanita warga emas di Tawau

Kluster Udin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes indeks kluster berkenaan iaitu kes ke-9,894 adalah seorang wanita warganegara Malaysia berusia 72 tahun.

Menurutnya, kes indeks dikesan positif Covid-19 hasil saringan warga emas

yang dijalankan di Klinik Kesihatan Merotai di Tawau pada 12 September lalu.

"Susulan itu, saringan kontak rapat dijalankan dan dua lagi dikesan positif Covid-19 semalam (kelmarin).

"Kedua-dua kes positif ini membabitkan warganegara Filipina. Mereka tidak bergejala dan dimasukkan ke

Hospital Tawau untuk rawatan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, 128 individu disaring apabila tiga positif, 71 negatif dan 54 sedang menunggu keputusan.

"Langkah pencegahan jangkitan termasuk proses nyah kuman dan proses pembersihan dijalankan di lokasi terabit.

"Punca jangkitan masih dalam siasatan," katanya.



PENIAGA dan pembeli melakukan urusan niaga di sekitar Pasar Sentral UTC, Labuan, semalam.

3 kematian dicatat, 147 jangkitan baharu

Kuala Lumpur: Tiga kematian berkaitan jangkitan Covid-19 dan sebanyak 147 kes jangkitan baharu dilaporkan di negara ini semalam.

Jumlah kematian itu menjadikan sebanyak 133 kumulatif kes kematian dilaporkan kepada Pusat Keselamatan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPKC) setakat jam 12 tengah hari semalam.

Jangkitan kes baharu pula menjadikan jumlah kumulatif kes keseluruhan penularan pandemik

itu sebanyak 10,505 kes setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

berkata, daripada 147 kes baharu yang dilaporkan itu, sebanyak empat kes import mendapat jangkitan di luar negara dan baki 143 kes penularan tempatan.

"Kes import itu membabitkan tiga warganegara dan seorang bukan warganegara.

"Bagi 143 kes penularan tempatan, 119 kes membabitkan warganegara manakala 24 bukan warganegara," katanya dalam status

dimuat naik di Facebook, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, ada 39 kes yang pulih semalam, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya daripada Covid-19 sebanyak 9,602 kes iaitu sekitar 91.4 peratus.

Menurutnya, jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan Covid-19 adalah 770 kes dan mereka sudah diasingkan serta diberi rawatan.

"Sehingga kini, lapan pesakit positif Covid-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan dua daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya.



"Kes import itu membabitkan tiga warganegara dan seorang bukan warganegara"
Dr Noor Hisham

KKM mampu uji 2,500 sampel sehari

Kuala Lumpur: Sebanyak 2,500 ujian makmal sampel Covid-19 mampu dijalankan di 23 makmal hospital dan 26 makmal klinik kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Sabah. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, KKM menggunakan Ujian Rapid Test Kit-Antigen (RTK-Ag) untuk ujian saringan Covid-19 kerana ia mempunyai kelebihan mengesan pandemik Covid-19 dengan cepat dalam jumlah yang besar.

Menurutnya, ujian Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) pula digunakan bagi pengesanan Covid-19.

"Ujian RT-PCR di Sabah bermula Februari lalu di Makmal Kesihatan Awam, Kota Kinabalu dengan kapasiti 200 ujian sehari dan diperluas ke Hospital Queen

Elizabeth (100 ujian sehari) serta makmal Universiti Malaysia Sabah (100 ujian sehari) pada Mac.

"Sehubungan pertambahan kes di Sabah, KKM menambah kapasiti makmal yang boleh menjalankan ujian RT-PCR sebagai satu langkah kesiapsagaan.

"Secara keseluruhan, jumlah kapasiti ujian harian makmal sampel Covid-19 di Sabah ditingkatkan kepada 2,500 ujian sehari," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, jika ujian Covid-19 di Sabah melebihi 2,500 ujian sehari, sampel Covid-19 selebihnya dihantar ke Semenanjung menggunakan khidmat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) serta perkhidmatan kurier swasta ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) bagi menampung pengujian sampel tambahan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : DALAM NEGERI

Menjadikan angka kematian keseluruhan 133 kes

Covid-19 ragut tiga lagi nyawa

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Perkembangan kes positif Covid-19 terus membimbangkan apabila kembali mencatat tiga angka iaitu pertambahan 147 kes baharu dengan tiga kematian direkodkan selain satu lagi kluster baharu di Sabah iaitu Kluster Udin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah kes positif di negara ini adalah sebanyak 10,505 kes dengan kes aktif kebolehhangkitan Covid-19 adalah 770 kes.

Beliau berkata, daripada tiga kematian dicatatkan semalam, kes kematian ke-131 (iaitu kes ke-10495) adalah wanita warganegara Indonesia berusia 48 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kencing manis dan darah tinggi.

"Kes kematian ke-132 (iaitu kes ke-10493) adalah lelaki warganegara Malaysia berusia 54 tahun manakala kes kematian ke-133 (iaitu kes ke-9224) adalah lelaki warganegara Malaysia berumur 72 tahun dengan latar



belakang penyakit strok. Kes telah dikesan sebagai kontak rapat kepada kes ke-9124 (kes kematian ke-127) yang merupakan kes positif dalam Kluster Tawar.

"Kes tidak bergejala, dikesan positif Covid-19 pada 19 Ogos 2020 dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar. Keadaan kes didapati merosot dan dipindahkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU). Kes disahkan meninggal dunia pada 23 September 2020 pada jam 3.40 pagi," katanya yang memberitahu jumlah kumulatif kes kematian adalah sebanyak 133 kes.

Beliau berkata demikian dalam laporan harian situasi semasa jangkitan Covid-19, di sini semalam.

Jangkitan Covid-19 pernah merekodkan tujuh kes kematian dalam sehari pada 29 Mac lalu.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, daripada 147 kes baharu, empat kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara melibatkan tiga warganegara manakala selebihnya adalah penularan tempatan dengan 115 kes dalam kalangan warganegara.

Katanya, Sabah mencatatkan 134 kes iaitu 105 kes daripada Klus-

ter Benteng LD, masing-masing lapan kes daripada Kluster Laut dan Kluster Bangau-Bangau dan dua kes daripada Kluster Pulau.

"Kluster baharu iaitu Kluster Udin di Tawau mencatat dua kes yang melibatkan bukan warganegara dan satu kes saringan tahanan di Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Semporna yang melibatkan warganegara.

"Di Kedah pula sebanyak lima kes dicatatkan iaitu empat kes daripada Kluster Sungai. Selangor juga mencatat dua kes iaitu satu kes saringan masuk kerja yang melibatkan warganegara. Beliau mempunyai sejarah balik dari Semporna, Sabah dan satu lagi kes saringan kontak rapat kepada kes ke-10286 yang juga mempunyai sejarah balik dari Semporna," katanya.

Beliau memberitahu, terdapat satu kes dicatatkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu satu kes saringan pulang dari kawasan berisiko Sabah yang melibatkan warganegara.

Katanya, di Kelantan juga terdapat satu kes saringan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) dari Sabah yang melibatkan warganegara.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

4

Negara!



Covid-19 #kitamestimenang

Kosmo! KHAMIS 24 SEPTEMBER 2020

147 kes baharu direkod semalam dengan lapan kluster aktif di Sabah

Covid-19: Tiga kematian dicatatkan

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Kes baharu jangkitan Covid-19 meningkat kepada tiga angka semalam menjadikan 147 kes dicatatkan dengan satu kluster baharu dikesan di Tawau, Sabah dikenali Kluster Udin.

Pertambahan kluster baharu hasil saringan seorang warga emas berumur 72 tahun itu menjadikan lapan kluster aktif di Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 147 kes baharu itu, sebanyak 143 kes membabitkan penularan tempatan dan empat lagi melibatkan kes import dari negara India dan

Indonesia.

Beliau berkata, Sabah merekodkan kes tertinggi positif Covid-19 dengan 134 kes termasuk dari Kluster Udin.

"Empat kluster aktif di Sabah turut mencatatkan pertambahan kes baharu dengan 105 kes di Kluster Benteng LD, Kluster Bangau-Bangau (lapan), Kluster Laut (lapan) dan Kluster Pulau (dua)," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Noor Hisham berkata, lima kes baharu dicatatkan pada Kluster Sungai di Kedah, dua kes di Selangor dan masing-masing satu kes di Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, tiga kematian dilaporkan

semalam dengan dua di Sabah dan satu di Kedah menjadikan jumlah keseluruhan kematian adalah 133 atau 1.27 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Sementara itu, Noor Hisham memberitahu, kapasiti ujian harian makmal sampel Covid-19 di seluruh Sabah dipertingkatkan ke tahap maksimum dengan 2,500 ujian sehari di tiga makmal iaitu Makmal Hospital Queen Elizabeth, Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu dan Makmal Universiti Malaysia Sabah.

Katanya, jika ujian Covid-19 di Sabah mencecah 2,500 sehari, sampel Covid-19 yang selebihnya akan dihantar dari Sabah ke

Semenanjung.

Beliau berkata, penghantaran itu dibuat dengan menggunakan perkhidmatan Tentera Udara Diraja Malaysia serta perkhidmatan kurier swasta ke Institut Penyelidikan Perubatan bagi menampung pengujian sampel tambahan.

"Kementerian juga menggunakan Rapid Test Kit-Antigen (RTK-Ag) sebagai ujian saringan Covid-19 kerana ia mempunyai kelebihan untuk mengesan wabak Covid-19 dengan cepat dalam jumlah yang besar.

"Sehingga kini, terdapat 23 makmal hospital dan 26 makmal klinik kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan yang menjalankan ujian RTK-Ag," jelasnya.



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	157
• Import: 4 Tempatan: 143	
• Pulih	39
• Kematian	3
• Masih dirawat	770
• Jumlah kes sembuh	9,602
• Jumlah Kematian	133
Jumlah kes keseluruhan	10,505

345 penduduk Rumah Pangsa Tongkang Yard dikawal ketat

ALOR SETAR – Seramai 345 penduduk di Rumah Pangsa Tongkang Yard di Seberang Perak di sini dikenakan pengawasan lebih ketat bermula semalam selepas 10 kes positif dilaporkan berlaku di kawasan perumahan tersebut.

Kawasan Seberang Perak terletak dalam penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran Kota Setar susulan penularan Covid-19 bagi Kluster Sungai sejak 11 September lalu.

Tinjauan mendapati laluan dan pintu pagar utama masuk ke rumah pangsa berkenaan ditutup dengan kawalan ketat anggota polis dan tentera sejak pukul 6 pagi.

Selain itu, petugas Jabatan Kesihatan Negeri Kedah dilihat melakukan ujian saringan terhadap penduduk di kemah dalam pekarangan perumahan tersebut selain proses sanitasi turut dilakukan di kawasan berkenaan.

Ketua penduduk rumah pangsa berkenaan, Datuk Ahmad Mansor berkata, kesemua penduduk diarah menjalani saringan dan dipakaikan gelang merah jambu selain tidak dibenarkan keluar dari rumah.

"Lebih enam kanak-kanak termasuk cucu saya dijangkiti Covid-19.

"Kawasan rumah kini dalam kawalan ketat pihak polis dan tentera bagi mengelakkan jangkitan menjadi lebih serius," katanya ketika dihubungi di sini



ANGGOTA polis dan tentera mengawal ketat Rumah Pangsa Tongkang Yard, Seberang Perak, Alor Setar sejak semalam.

semalam.

Dia bagaimanapun berharap proses pengagihan bekalan makanan terutama barang basah dapat dilakukan dengan segera.

"Selain itu, barang keperluan seperti susu bayi dan lampin pakai buang juga sangat diperlukan," katanya.

Seorang lagi penduduk yang mahu dikenali sebagai Hani, 33, berharap bantuan makanan terutama barang basah dipercepatkan.

"Penduduk tidak boleh keluar dan diarah kuarantin selama 14 hari, jadi kami sangat memerlukan bantuan makanan dan keperluan harian lain," katanya.

Sementara itu, Pegawai Daerah Kota Setar, Datuk Mohd. Asri Redha Abdul Rahman berkata, bantuan bekalan makanan antaranya beras, gula, sardin dan tepung gandum akan disalurkan secara berperingkat kepada penduduk terlibat.

Bagaimanapun, menurutnya, barangan basah pula belum dapat diagihkan kepada penduduk terlibat.

"Pihak kerajaan dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) akan mengadakan perbincangan mengenai bekalan makanan basah kepada penduduk di kawasan perumahan itu," katanya di sini semalam.

30 sekolah di Sabah ditutup berkuat kuasa semalam

KOTA KINABALU – Sebanyak 30 sekolah membabitkan tiga mukim di daerah Lahad Datu ditutup sementara sehingga pemberitahuan dimaklumkan kelak berkuat kuasa semalam.

Tiga mukim berkenaan adalah Bandar, Silam dan Silabukan dalam usaha mengelakkan penularan wabak Covid-19.

Antara sekolah terlibat dalam penutupan terbabit termasuklah Sekolah Kebangsaan (SK) Ladang Tiger, Tawau, SK Kunak Jaya, SK Kunak II, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kunak, SMK Agaseh, Lahad Datu, SMK Silabukan dan SK Bikang.

Pengarah Pendidikan Sabah, Dr. Mistirine Radin berkata, pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka di bilik darjah bagi pelajar tingkatan lima dan enam di semua sekolah menengah di kawasan terbabit masih dijalankan.

"Saya meminta semua pelajar dan guru yang terlibat dalam PdP mematuhi semua prosedur operasi standard (SOP) sebagai pencegahan penularan Covid-19.

"PdP bagi kelas prasekolah hingga tingkatan empat pula dilaksanakan secara online sepanjang tempoh penutupan ini dilakukan.

"Bagaimanapun, kita pada masa sama turut menggalak-



DR. MISTIRINE RADIN

kan pihak sekolah melaksanakan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL)," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Terdahulu, beberapa sekolah Lahad Datu, Kunak dan Tawau sebelum ini masih ditutup atas arahan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).

Sekolah Kebangsaan (SK) Ladang Tiger Tawau ditutup sejak 14 September hingga 27 September, manakala SK Kunak Jaya ditutup hingga 28 September, SK Kunak II hingga 5 Oktober dan SMK Kunak hingga 29 September.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR HARIAN • KHAMIS 24 SEPTEMBER 2020

MEMERANGI WABAK COVID-19



147 kes baharu Covid-19

Melibatkan 143 rakyat tempatan dan empat warga asing dijangkiti virus tersebut.

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Di sebalik kehangatan perkembangan politik tanah air, pandemik koronavirus (Covid-19) terus memberi ancaman dengan 147 kes positif baharu dikesan dengan tiga kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataannya berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes positif di negara ini meningkat kepada 10,505 kes.

"Jumlah kes aktif yang diasingkan dan diberi rawatan adalah 770," katanya.

Menurutnya, sebanyak 143 rakyat

tempatan dan empat warga asing dijangkiti virus tersebut.

"Di Sabah, terdapat 134 kes baharu dikesan di negeri itu melibatkan 105 kes Kluster Benteng LD, masing-masing lapan Kluster Laut dan Bangau-bangau dan lima kes saringan pernafasan akut teruk (SARI)," katanya.

Selain itu, beliau berkata, tiga petugas kesihatan di Semporna, Sabah turut dijangkiti wabak itu.

"KKM turut mengesan masing-masing dua kes daripada Kluster Udin dan Pulau serta satu kes saringan tahanan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Semporna," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, turut dikesan positif di Kedah dengan lima kes, Selangor dua kes serta Kuala Lumpur.

"Di Kelantan juga, satu kes baharu dikesan di Pintu Masuk Antarabangsa



DR NOOR HISHAM

(PMA) dari Sabah yang melibatkan warga-negara," katanya.

Sehingga kini, terdapat lapan kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) termasuk dua memerlukan bantuan pernafasan.

Mengulas mengenai tiga kematian berkaitan Covid-19, beliau berkata, ia melibatkan seorang wanita warga

Indonesia dan dua lelaki tempatan. "Kes kematian dilaporkan di Hospital Tawau, Semporna dan Alor Setar.

"KKM mengucapkan takziah kepada keluarga mereka," katanya.

Katanya, terdapat 39 kes telah pulih dan dibenar discaj semalam.

"Jumlah kumulatif kes yang pulih sepenuhnya adalah sebanyak 9,602 kes iaitu bersamaan dengan 91.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

Kluster Udin pula dikesan di Tawau

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan satu lagi kluster baharu dikenal pasti Kluster Udin dilaporkan di Tawau, Sabah selepas mengesan tiga kes positif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes indeks kluster itu merupakan kes ke-9,894 adalah seorang perempuan warga tempatan berumur 72 tahun.

"Kes indeks dikesan positif Covid-19 hasil saringan warga emas yang dijalankan di Klinik Kesihatan Merotai, Tawau pada 12 September," katanya.

Menurutnya, susulan itu, saringan kontak rapat telah dijalankan dan dua lagi dikesan positif Covid-19 semalam.

"Kedua-dua kes positif ini melibatkan warga Filipina dan tidak bergejala," katanya.


Beliau berkata, pesakit kemudian dimasukkan ke Hospital Tawau untuk rawatan.

"Setakat ini, seramai 128 individu telah disaring. Hasil saringan mendapati tiga dikesan positif, 71 negatif dan 54 lagi menunggu keputusan," katanya.

"Bagaimanapun, punca jangkitan Covid-19 tersebut masih dalam siasatan," katanya.

Sabah yang sedang dalam suasana Pilihan Raya Negeri (PRN) mempunyai lapan kluster Covid-19 termasuk Udin.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NEWS/NATION

COVID-19 WATCH

NEW UDIN CLUSTER DETECTED IN TAWAU, 3 DEATHS RECORDED

Index case is a 72-year-old local female who tested positive from old folks screening

ESTHER LANDAU
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

ANOTHER new cluster, the Udin Cluster, was detected in Tawau, Sabah, at noon yesterday, bringing the number of active clusters to eight in the state.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said said the index case from the cluster, Case 9,894, was a 72-year-old local female who tested positive from screening carried out on old folks at the Merotai Health Clinic in Tawau on Sept 12.

Following that, he said, close contact tracing was initiated and two were found to be positive on Sept 22.

"Both the positive cases are from the Philippines. They did not display any Covid-19 symp-

toms. They have been admitted at Tawau Hospital for treatment.

"Up to noon today (yesterday), a total of 128 individuals have been screened. Three tested positive, 71 negative and 54 individuals waiting for the results," he said in a statement.

He said the cause of the infection was under investigation and sanitisation operations were ongoing in the affected areas.

Covid-19 numbers yesterday continued to soar with 147 cases and three deaths. The total number of Covid-19 cases now stands at 10,505, with 770 active cases, and 133 deaths.

Dr Noor Hisham said of the 147 cases, four were imported which involved three Malaysians and one foreigner who returned from India and Indonesia, while the remaining 143 cases were local transmissions, 115 of which involved Malaysians and 28 non-Malaysians.

"Sabah continues to record the highest number of Covid-19 cases, with 134 cases, 105 of which

were from the Benteng LD Cluster involving 90 locals and 15 foreigners.

"Besides Sabah, there are also five cases from Kedah (four from the Sungai Cluster), and one from community screening. Selangor also recorded two cases, each from the employment screening, and close contact screening of Case 10,286. Both had returned from Semporna, Sabah.

"One case was reported from Kuala Lumpur while Kelantan also recorded one case from the international border screening in Sabah."

On the three deaths, Dr Noor Hisham said one was a 48-year-old Indonesian woman who had a history of diabetes and high blood pressure (from Tawau), the second was a 54-year-old local man who had fever, cough and difficulty in breathing (also Tawau) and the third, a local man, 72, had a history of stroke (from Alor Star, Kedah).

On the Benteng LD Cluster, Dr Noor Hisham said it recorded the highest number of positive cases yesterday at 105.

He said the total infection tally in this cluster was 729 cases. A total of 10,389 individuals were screened from this cluster with the largest number in Tawau, followed by Lahad Datu and Sandakan.

"Of the 729 cases, 414 are Malaysians while 315 are foreigners from the Philippines and Indonesia."

On the Bangau-Bangau cluster, he said eight new cases were reported, bringing the total number of positive cases from this cluster to 13.

On the Laut Cluster, Dr Noor Hisham said eight new cases were reported from this cluster, two new cases in the Pulau cluster, and four new cases in the Sungai Cluster.

On the laboratory preparedness in Sabah, he said under the Health Ministry, there were 23 hospital laboratories and 26 clinical laboratories in the state that performed the Rapid Test Kit-Antigen (RTK-Ag) test, which could detect the Covid-19 infection on a large scale.



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation globally
 (As at 7pm Sept 23, 2020)

	Malaysia															
	New cases			Total cases			Total deaths			Total recovered						
	147	10,505	133	9,602												
Asean+	Philippines	Indonesia	China	Japan	Singapore	S. Korea	Myanmar	Thailand	Vietnam	Cambodia	Brunei	Laos				
Confirmed cases	294,591	257,388	85,307	79,438	57,639	23,216	6,959	3,514	1,068	275	145	23				
Deaths	5,091	9,977	4,634	1,508	27	388	116	59	35	0	3	0				
Recovered	231,373	187,958	80,505	71,648	57,262	20,650	1,951	3,345	980	274	142	22				
Global Top 10	US	India	Brazil	Russia	Colombia	Peru	Mexico	Spain	South Africa	Argentina						
Confirmed cases	7,098,291	5,650,540	4,595,335	1,122,241	777,537	776,546	705,263	682,267	663,282	652,174						
Deaths	205,478	90,077	138,159	19,799	24,570	31,586	74,348	30,904	16,118	13,952						
Recovered	4,347,172	4,587,613	3,945,627	923,699	650,801	629,094	506,732	N/A	592,904	517,228						

'Figures don't show fast virus spread'

Kedah clusters contained but Sabah remains a concern

PETALING JAYA: The current Covid-19 effective reproduction number (Re) does not indicate that the virus is spreading rapidly compared to the first phase of the movement control order (MCO), say health experts, in spite of the D614G coronavirus super spreader that was detected in the country.

Universiti Malaya epidemiologist Prof Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud said that the Kedah clusters were being contained now, so he did not think they are proving more difficult to handle than before.

"The worry now is the Sabah clusters, as this is a mix of Malaysians and non-Malaysians," he said.

As of last Sunday, Sabah recorded an Re of 1.7 while in Kedah it was 1.58.

Re is an indicator of how fast Covid-19 is spreading. It shows the average number of people who contracted the virus from an infectious person.

On the source of infections in Sabah, Dr Awang Bulgiba said it was not clear but there was a possibility that they originated from neighbouring countries.

"I have always cautioned about the lack of data on the prevalence of the disease among our migrant population as we have not tested

enough of them.

"I am not sure what strain is prevalent in our neighbouring countries but because the D614G strain is so prevalent in other countries, there is always that possibility that the D614G is also prevalent there," he said.

Universiti Sains Malaysia medical epidemiologist and biostatistician Assoc Prof Dr Kamarul Imran Musa also believed that the Re would not reach the levels in March as the Health Ministry is doing effective surveillance and prevention strategy.

"At that time (first phase of MCO), I believe Re was around 2.5 to 3.5. The ministry is quick in doing intervention, contact tracing is very effective, testing is also more accessible and more available now and the results from the tests are quicker to obtain," he said.

However, he noted that there was definitely an increase of Covid-19 spreading in the community based on the number of active cases, which is higher than the past two to three weeks.

Dr Kamarul said the current Re could not be generalised for the entire country, as the number was dependent on the location of the spread and the degree of effectiveness of the control and prevention activity as well as the

movement of migrants.

While the D614G coronavirus strain has so far been detected in the Sivagangga, Tawar, and Ulu Tiram clusters, Dr Kamarul said there was not enough evidence to show that the strain was the main cause for the increase in cases.

"Why the spread has happened in Sabah is perhaps due to the possibility of migrants and those missed cases that were already in the community," he said.

Apart from those clusters detected for the D614G strain, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said they were still doing isolation and culture of the virus to determine whether other clusters also had the same strain.

He said facts and data were needed first before such a conclusion could be made on whether the D614G strain was spreading within the community.

There are currently 15 active clusters as of Sept 22. Out of the 15, eight clusters were from Sabah while three were from Kedah.

Since the beginning of the pandemic, there have been 113 clusters with 98 of them having ended.

Universiti Putra Malaysia medical epidemi-

I-CITY
Selangor Golden Triangle
 雪州龙头

In 7 DAYS
SGT Showcase
 1st - 4th Oct 2020
 Central i-City Mall



ologist Assoc Prof Dr Malina Osman said the clusters in Sabah appeared to have spread faster than the clusters in Kedah.

"Until yesterday, the data has showed that there were a total of 665 active cases and more than 70% was from Sabah.

"The active cases, newly diagnosed cases and the five-day moving average of Covid-19 infections showed higher numbers compared to the last eight weeks.

"To me, the situation is a bit alarming as it may lead to a potential new wave," she said.

Dr Malina believed that the targeted enhanced MCO should be initiated in the affected areas, similar to what was done in Kedah.

RMCO offenders drop to double digits

KUALA LUMPUR: The number of individuals flouting the recovery movement control order (RMCO) dropped back to double figures with the arrest of 65 individuals.

This comes following three-figure arrests in three consecutive days from Saturday.

Police arrested 35 people for not wearing face masks, eight in relation to premises operating without permission and seven involving physical distancing, among others, said Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob in a statement yesterday.

"Of the total, 63 were compounded, while two were remanded," he said on Tuesday.

On Ops Benteng, he said 32 illegal migrants, four smugglers and a skipper were arrested, while a boat and three vehicles were seized.

Meanwhile, he said 32,963 individuals had returned home from abroad, with 8,240 undergoing mandatory quarantine.

Guarding against the virus

Security forces guarding an entrance to the Seberang Perak flats in an effort to check the spread of Covid-19. Kedah recorded 10 new cases on Tuesday.
 — Bernama



147 new cases recorded with three deaths, says DG

By **FATIMAH ZAINAL**
 fatimah@thestar.com.my

PETALING JAYA: It was a triple whammy for Malaysia where Covid-19 is concerned, as the nation recorded triple digit cases, three new deaths and a new cluster yesterday.

A total of 147 new cases were recorded, of which 143 were locally transmitted and four were imported, said Health Ministry director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Out of the 147 new cases, Sabah, which now has eight active clusters, recorded the highest number of cases at 134; with 110 infections among Malaysians and 24 among non-citizens.

Besides Sabah, Kedah recorded five local

cases and Selangor had two, while Kelantan and Kuala Lumpur had one case each.

Meanwhile, the four imported cases involved infections that happened abroad in India and Indonesia, said Dr Noor Hisham.

"There were three deaths recorded yesterday, bringing the death toll to 133, or 1.27% out of the total number of cases," said Dr Noor Hisham in a press statement yesterday.

The 131st death was a 48-year-old Indonesian woman with a history of diabetes and hypertension, the 132nd death was of a 54-year-old Malaysian man and the 133rd death was also a Malaysian man, aged 72 years old, with a history of stroke.

Dr Noor Hisham also said 39 patients had recovered, with Malaysia recording a total of 9,602 recoveries or 91.40% since the Covid-

19 outbreak began.

There are now 770 active cases being treated at the country's health facilities, with eight patients in the intensive care units (ICU) and two of them requiring ventilator support.

He also revealed that another Covid-19 cluster has also emerged in the east coast of Sabah, this time dubbed the Udin Cluster in Tawau, making it the eighth active cluster in the state currently.

The index case was a 72-year-old woman who tested positive following a screening for senior citizens at the Merotai health clinic on Sept 12.

"Following that, contact tracing was carried out and two more Covid-19 cases were detected on Tuesday.

"Both of these positive cases involve Filipinos. They are asymptomatic and have been admitted to Tawau hospital for treatment," he said.

A total of 128 individuals were screened in this cluster, whereby three turned out positive, 71 were negative and another 54 individuals were awaiting test results.

Out of the overall 134 cases reported in Sabah on Wednesday (Sept 23), 105 were from the Benteng Lahad Datu cluster.

There were also eight new cases each reported for the Bangau-Bangau Cluster and Laut Cluster, both in Semporna.

"Meanwhile, the Pulau Cluster in Kunak recorded two new cases," he added.

Outside of Sabah, in Kedah, the Sungai Cluster recorded four new cases.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

